

**Kerajaan Pusat Sokong Usaha Sabah Memajukan Tanjung Aru - Najib Bernama**  
**16 Sept, 2013**

KOTA KINABALU, 16 Sept (Bernama) -- Kerajaan Persekutuan akan menyokong usaha kerajaan negeri Sabah membangunkan projek pembangunan Eko Tanjung Aru (TAED) demi manfaat rakyat di negeri ini, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana menteri berkata pembangunan pantai Tanjung Aru adalah satu pelaburan berdaya maju yang termasuk memulihara alam sekitar.

"Projek ini amat baik untuk pelaburan kerana sebarang usaha untuk melindungi alam sekitar menjadikannya perniagaan yang baik untuk menjana hasil yang baik.

"Kami (kerajaan Persekutuan) akan menyokong projek ini dengan kemudahan dana. Kami akan lakukan apa sahaja untuk memulihara keindahannya," katanya ketika merasmikan projek pembangunan Eko Tanjung Aru di sini Isnin malam.

Najib berkata beliau teruja dengan projek ini dan berharap kerajaan negeri akan menjadikannya sebagai kenyataan untuk dinikmati rakyat.

Beliau berkata Tanjung Aru sinonim dengan rakyat di Sabah dan sudah sampai masanya untuk memulihkan dan memberi kehidupan baharu kepada pantai itu dan memberikannya kembali kepada rakyat yang mempunyai kenangan manis di sana.

"Kita perlu pembangunan. Tetapi pembangunan seperti ini perlu diselaras dengan alam sekitar. Kita mesti melindungi dan memuliharanya demi generasi akan datang," katanya.

Najib berkata Sabah mempunyai potensi besar dalam industri pelancongan terutama dalam eko pelancongan, kerana sikap ramah tamah rakyat pelbagai kaum di negeri ini.

Melalui projek itu, 260 hektar kawasan di sepanjang pantai Tanjung Aru akan dibangunkan dengan pemulihan pantai dan menjana semula taman-taman.

Pelan induk projek itu memberi penekanan kepada kemudahan masyarakat, ruang terbuka, landskap dan disokong ciri-ciri alam sekitar yang mapan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=978069>